

Dr. M: Saham jatuh akibat mainan golongan tertentu

KUALA LUMPUR, Rabu — Kerajaan mengsyaki harga saham yang semakin menjunam di Pasaran Saham Kuala Lumpur sekarang akibat manipulasi oleh segolongan tertentu di negara ini.

Golongan berkenaan juga disyaki bertanggungjawab menaikkan harga saham melambung-lambung beberapa bulan lalu untuk mengaut keuntungan berlebihan.

Manipulasi

Demikian ditegaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, ketika diminta

mengulas kedudukan pasaran saham di negara ini sekarang.

Bagaimanapun, katanya di sidang akhbar selepas mesyuarat Kabinet di pejabatnya, keadaan demikian tidak berkaitan dengan iklim pelaburan negara yang memang sentiasa memuaskan.

"Kerajaan yakin keadaan harga saham yang rendah sekarang adalah perbuatan manipulasi oleh golongan tertentu.

"Manipulasi tersebut sama seperti ketika golongan berkenaan menaikkan harga saham melambung-melambung beberapa bulan

lalu," katanya.

Keadaan pasaran ini, kata Perdana Menteri, menggerakkan Kerajaan mengambil langkah meminda Akta Sekuriti Perindustrian yang berkuatkuasa sekarang.

Pindaan Akta

Pindaan itu bertujuan membolehkan Kerajaan mempunyai kuasa mengawal operasi pasaran saham di negara ini.

Pihak berkuasa, tegas Datuk Seri Dr. Mahathir lagi, sedang meneliti beberapa bahagian Akta berkenaan

dan tidak mungkin pindaan tersebut dibawa ke Parlimen dalam sidangnya tidak lama lagi.

Perdana Menteri tidak percaya bahawa keadaan harga saham yang semakin menurun sekarang adalah akibat perkara-perkara biasa.

Katanya, kebanyakan saham yang jatuh harganya merupakan saham syarikat tertentu yang besar dan berkembang serta mengalami perniagaan memuaskan.

"Oleh itu pihak Kerajaan yakin kejatuhan harga saham ini akibat manipulasi pasaran yang serius," katanya.